



مجلس پانڈراي جو كراي



*Sedekad Johor Bahru*



مَجْلِسُ بِنْدَرَايِ جَوْهَرِ بَاهْرُو



*Sedekad Johor Bahru*

HAK CIPTA TERPELIHARA.


Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Cetakan tahun 2022



PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU, JALAN DATO' ONN, JOHOR BAHRU



**MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU, JALAN LINGKARAN DALAM, BUKIT SENYUM, JOHOR BAHRU**

# KANDUNGAN

➤ <b>SEKAPUR SIRIH: DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU</b>	
➤ <b>PENGENALAN</b>	
➤ <b>BAB 1: PEMBANGUNAN FIZIKAL</b>	9
- Pembangunan Bandar Raya Johor Bahru	10
- Pembangunan Infrastruktur & Kemudahan Awam	20
- Keceriaan Pusat Bandar	39
- Pembangunan Teknologi Digital	48
- Pelan Induk	51
- Penjenamaan Semula Papan Iklan Premis Perniagaan	60
➤ <b>BAB 2: PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI</b>	63
- Pembangunan Usahawan Penjaja	64
- Penjenamaan Semula Gerai Penjaja	65
- Selera Bangsa Johor	66
➤ <b>BAB 3 : KELESTARIAN ALAM SEKITAR</b>	69
- Masyarakat Rendah Karbon	70
- Penggredan Tandas Bertaraf 5 Bintang	71
- Inisiatif Bank Makanan	73
- Kebun Kejiranan	74
- <i>Smart City</i>	77
➤ <b>BAB 4 : PEMBANGUNAN MASYARAKAT &amp; MODAL INSAN</b>	81
- Agenda Tempatan	82
- Pusat Rekreasi Belia: TMIYC JB	84
- Naik Taraf Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru	88
- Pusat Sivik Larkin	91
➤ <b>SIDANG EDITORIAL</b>	



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya

Syukur Alhamdulillah kerana dengan rahmat dan izin Allah SWT, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya menerbitkan Buku Mewah atau *Coffee Table Book* berjudul 'Sedekad Johor Bahru'. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkhidmatan perbandaran di bandar raya Johor Bahru, semestinya satu hala tuju yang jelas perlu diwujudkan dan diselarakan dengan dasar Kerajaan Negeri seperti Pelan Pembangunan Mampan Johor 2021-2030, Tujuh Ikhtiar Makmur Johor, Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan, Pelan Strategik MBJB 2021-2025 dan sebagainya.

MBJB merupakan PBT yang pertama dinaik taraf kepada status 'Bandaraya' di negeri Johor iaitu pada 1 Januari 1994 dan antara yang terawal di peringkat kebangsaan. Sesuai dengan hakikat itu, MBJB harus mencerminkan kematangan ini dengan melakukan anjakan yang lebih besar dalam menghadapi cabaran semasa dan menggalas harapan warga bandar raya yang menuntut penyampaian perkhidmatan kelas pertama. Saya yakin bahawa melalui penerbitan naskhah ini, warga bandar raya dapat bersama-sama melihat dan memberikan gambaran berkenaan visi MBJB dalam membangunkan sebuah bandar raya yang bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari pada tahun yang akan datang.

Jika sempurna pelaksanaannya, objektif strategik holistik yang dirangka dengan fokus yang bertumpu kepada pembangunan fizikal bandar raya dan juga sosioekonomi warga bandar raya ini bukan sahaja dapat membangunkan bandar raya serta warganya, malah dapat meningkatkan kredibiliti, imej dan reputasi MBJB secara keseluruhannya.

Akhir kalam, sekalung tahniah diucapkan kepada sidang editorial yang terlibat dalam proses menerbitkan naskhah yang cukup bermakna ini. Besar harapan saya agar dokumen ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan menjadi panduan serta rujukan warga kerja MBJB bagi mencapai visi yang telah ditetapkan. Tiada cara lain untuk menempa kejayaan selain daripada bekerja dalam pasukan dengan niat murni berkhidmat untuk warga bandar raya Johor Bahru.

Sekian, Terima kasih.

## SEKAPUR SIRIH



**DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN**  
**DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

# Pengenalan

Johor Bahru yang dahulunya dikenali sebagai Tanjung Puteri mulanya dibuka pada tahun 1855 oleh Temenggong Ibrahim. Kemudiannya nama Tanjung Puteri itu diisytiharkan sebagai Iskandar Puteri. Pada tahun 1866 semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, baginda telah menukarkan nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru.

Johor Bahru telah diisytiharkan sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim pada 1 Januari 1896. Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pula bermula pada tahun 1933 apabila Lembaga Bandaran ditubuhkan, seterusnya dinaikkan ke taraf Majlis Bandaran pada tahun 1950. Pada April 1977, Majlis Bandaran Johor Bahru dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Johor Bahru (Town Council) dan seterusnya memperoleh status 'bandar raya' pada 1 Januari 1994.

Kini dengan keanggotaan seramai 1,443 warga kerja yang diketuai oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Majlis Bandaraya Johor Bahru sedang melalui transformasi perkhidmatan melalui pendekatan pembelajaran secara berterusan melalui kursus dan latihan, pengurusan pembangunan kerjaya untuk mewujudkan anggota yang berdaya saing dan juga penerapan budaya kerja berprestasi tinggi melalui nilai dan etika positif dalam kalangan anggota. Secara tidak langsung, hal ini dapat mewujudkan modal insan yang responsif, kompeten dan berintegriti, selaras dengan visi MBJB 2021-2025 iaitu 'Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari'. MBJB juga mempunyai misi untuk mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudah cara strategik yang responsif terhadap perubahan untuk semua pihak berkepentingan, memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya dan menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya. Tidak lupa juga, MBJB kini ke arah pembangunan 'Smart City' atau 'Bandar Pintar' untuk memantapkan kecekapan operasi dan perkhidmatan bandar kepada rakyat di samping meneroka peluang untuk berkolaborasi dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang bertaraf 'bandaraya'.

Dalam usaha pengantarabangsaan bandar raya Johor Bahru, langkah pemerkasaan hubungan di peringkat global telah dilaksanakan menerusi pewujudan kerjasama 'Sister Cities' bersama bandar-bandar antarabangsa seperti Istanbul, Turki dan Changzhou, China. Peluasan jaringan global ini akan diteruskan dengan meneroka potensi kerjasama baharu seperti bersama Tijuana City, Mexico; Nizhny Novgorod, Rusia dan Kyoto, Jepun.

MBJB terus melebarkan sayapnya di persada antarabangsa dengan melaksanakan kerjasama bersama perwakilan asing di Malaysia seperti kerjasama dengan Kedutaan Amerika Syarikat dalam pelaksanaan 'American Corner' di Perpustakaan Sultan Ismail. Turut berhasrat mengadakan kerjasama ialah Konsulat Jeneral Indonesia, Konsulat Jeneral Singapura dan Kedutaan Mexico. Kerjasama yang diwujudkan ini meliputi kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan, pertukaran budaya serta perkongsian pengalaman dan kepakaran bersama demi kebaikan warga bandar raya Johor Bahru.

Selaras dengan arus perubahan teknologi Revolusi Industri 4.0, MBJB giat meneroka 'platform' media baharu bagi meluaskan jaringan hebahan dan promosi berkaitan dasar, peraturan, pemberitahuan serta aktiviti MBJB kepada warga 'bandar raya'.

Melalui penerokaan 'platform' media baharu seperti laman-laman sosial dan laman interaktif, MBJB dapat menyampaikan maklumat dengan pantas dan efisien selain merapatkan jurang perhubungan bersama warga bandar raya terutama golongan muda.







# Pembangunan Fizikal

- Pembangunan Bandar Raya Johor Bahru
- Pembangunan Infrastruktur & Kemudahan Awam
- Keceriaan Pusat Bandar
- Pembangunan Teknologi Digital
- Pelan Induk
- Penjenamaan Semula Papan Iklan Premis Perniagaan



ZON ANTARABANGSA

TROPICANA  
DANGA BAY

GREENLAND  
DANGA BAY

COUNTRY  
GARDEN

IIBD

R & F



## PEMBANGUNAN DI KAWASAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

LUAS ZON ANTARABANGSA  
DALAM KAWASAN MBBB

5,064  
Ekar

21.8  
KM

JARAK ZON ANTARABANGSA  
DISEPANG PERSISIRAN  
SELAT JOHOR DALAM  
KAWASAN MBBB

JUMLAH PEMBANGUNAN  
KOMITED

38  
*Pemaju  
Hartanah*

Zon Antarabangsa merupakan kawasan pembangunan khusus yang akan menempatkan pelaburan dan pembangunan premium dengan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan berkualiti tinggi.

## PEMBANGUNAN PUSAT BANDAR

### IBRAHIM INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT (IIBD)



LUAS KAWASAN IIBD 250 Ekar

18 Jan 2018 PELAN INDUK IIBD DIWARTAKAN

PROJEK KOMITED 8 Projek

≥ 1.5 KM "PEDESTRIAN LINKBRIDGE" DALAM IIBD

PENGEKALAN BANGUNAN WARISAN 455 Premis



Pembangunan pusat perdagangan dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa



Kawasan CBD Johor Bahru seluas 250 ekar telah diisytiharkan oleh DYMM Sultan Johor sebagai IIBD pada 22 November 2015.



IMBAS DI SINI:



(IIBD)

Kawasan IIBD telah **DIWARTAKAN** di dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Penggantian) pada 18 Januari 2018

## CORONATION SQUARE



Lokasi: Jalan Trus  
Keluasan Tapak: 9.5861 ekar



Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan, menara pejabat, hotel dan *retail*.

## GWMAX



Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan dengan kemudahan fasiliti dan *retail*.

Lokasi: Jalan Lingkaran Dalam  
Keluasan Tapak: 11.080 ekar

## PEMBANGUNAN PERSISIR PANTAI



## R&F TANJUNG PUTERI



Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan, Kompleks Komersil dan 'opera harbour street'.

**Lokasi: Persiaran Tanjung Puteri**  
**Keluasan Tapak: 32.869 ekar**



## COUNTRY GARDEN, DANGA BAY



Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan, menara pejabat, hotel dan *retail*.

Lokasi: Country Garden  
Keluasan Tapak: 50 ekar

## GREENLAND DANGA BAY

Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan, menara pejabat, hotel dan *retail*.

**Fasa 1:**

2 Blok perniagaan  
(Pejabat jualan & restoran).

**Fasa 2:**

Ruang perniagaan dan  
tempat letak kereta.

**Fasa 3:**

3 Menara pangsapuri  
perkhidmatan (676 unit)  
dan kemudahan rekreasi.



Lokasi: Persiaran Abu Bakar Sultan  
Keluasan Tapak: 4.575 ekar

## TROPICANA DANGA BAY

Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan dan pusat perniagaan.



**Lokasi: Persiaran Abu Bakar Sultan**  
**Keluasan Tapak: 16 ekar**

## SENIBONG COVE

Pembangunan perdagangan bercampur mengandungi pangsapuri perkhidmatan, menara pejabat, hotel dan *retail*.

Lokasi: Persiaran Senibong





**KELUASAN TAPAK : 209.53 ekar (SENIBONG COVE)  
35.66 ekar (SENIBONG HILLS)**




## SISTEM PENGANGKUTAN AWAM RENTAS SEMPADAN SISTEM RAPID TRANSIT




- Merupakan sistem Kereta api transit laju yang akan menghubungkan Johor Bahru, Johor di Malaysia dan Woodlands di Singapura, menyeberangi Selat Johor.
- Mempunyai dua stesen, dengan terminal Malaysia di Stesen Bukit Chagar dan Stesen Woodlands North di Singapura.

Pusat perkhidmatan *Rapid Transit System* yang berkonsep unik dengan keluasan tapak 4,503 ekar bakal berdiri dengan megahnya pada masa hadapan.

GAMBARAN 3D PROJEK  
RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS)



## PETA LALUAN RAPID TRANSIT SYSTEM (RTS)



7 unit



10,000  
penumpang/jam




6 minit/trip

## ISKANDAR MALAYSIA BUS RAPID TRANSIT (IMBRT)



- Mempunyai liputan rangkaian sejumlah 2,000km yang terdiri daripada 55km (Trunk Line), 1230km (Direct Line) dan 715km (Feeder Line). Ini merangkumi 90% daripada kawasan berpenduduk di Iskandar Malaysia.
- Perkhidmatan BRT ini mampu menampung seramai 150,000 penumpang sehari.
- Operasi IMBRT dijangka bermula pada hujung tahun 2022.

# RANGKAIAN LALUAN ISKANDAR MALAYSIA BUS RAPID TRANSIT (IMBRT)



## STESEN KERETAPI TANAH MELAYU (KTM) KEMPAS BARU

### Keluasan Binaan

- 95,204.50 m<sup>2</sup>

### Fasiliti Yang Disediakan

- Tempat Letak Kereta & Motosikal
- Tempat Letak Kenderaan OKU
- Tandas Biasa dan Kemudahan OKU
- Lif & Eskalator
- 'Ramp' Berserta 'Railing'
- Sistem CCTV
- Sistem Maklumat Penumpang & Penyampai
- Ruang Komersial
- Bilik Surau
- Bilik Polis Bantuan
- Kaunter Jualan Tiket
- 'Ticket Vending Machine'
- Platform Tren  
(Tempat Menunggu Penumpang yang Berbumbung)
- Laluan Khas OKU

### Bilangan Petak Letak Kereta Awam

- Tempat Letak Kereta : 142 nos
- Tempat Letak Motosikal : 71 nos
- Tempat Letak Kenderaan OKU : 4 nos

### Ruang Letak Kereta (Kenderaan Berat)

- Tempat Letak Bas : 2 nos

### Laluan Masuk/Naik Taraf Jalan/Naik Taraf Persimpangan

- Laluan Masuk Stesen (7.3m)
- Jalan Permatang 8  
(Cadangan Jalan Yang Akan Dinaiktaraf)





## PENJENAMAAN SEMULA ANJUNG SELERA @ MAHSURI, BANDAR BARU UDA

LOKASI: JALAN PADI MAHSURI, BANDAR BARU UDA, JOHOR BAHRU



- ▶ Reka bentuk anjung selera akan dinaiktaraf bagi menyediakan ruang niaga dan ruang makan yang lebih kondusif.
- ▶ Kerja menaiktaraf ini mengambil kira elemen reka bentuk GBI antaranya sistem solar, SPAH, perangkap minyak, BIO-Diversiti dan CCTV.



## ANJUNG SELERA ULU TIRAM

LOKASI: JALAN BADIK 16, TAMAN PUTERI WANGSA, ULU TIRAM, JOHOR BAHRU



## ANJUNG SELERA ULU TIRAM


LOKASI: JALAN BADIK 16, TAMAN PUTERI WANGSA, ULU TIRAM, JOHOR BAHRU



## REKA BENTUK TANDAS SEJAHTERA YANG BARU

Antara faktor yang perlu diambil kira dalam reka bentuk tandas awam ialah mewujudkan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi bagi mengurangkan penggunaan pencahayaan dan pengudaraan secara mekanikal bagi menjimatkan penggunaan elektrik. Konsep reka bentuk terbuka, inovasi penggunaan batu bata sebagai batu angin dan penggunaan 'louvers' merupakan komponen utama dalam mereka bentuk tandas awam.





Ketinggian tandas mestilah melebihi 3m dengan konsep siling terbuka dan mempunyai 'louvers' sebagai medium pengudaraan semulajadi supaya dapat mengawal bau.

Tandas OKU sebaiknya diasingkan daripada kawasan tandas utama di bahagian hadapan / luar tandas dan pintu sebaiknya daripada jenis 'sliding door' bagi memudahkan pengguna OKU.



'Louvers' dijadikan sebagai medium pengudaraan semulajadi supaya dapat mengawal pengudaraan dan bau dalam tandas.

Reka bentuk tandas mestilah mempunyai cermin lut cahaya pada ruangan sinki supaya dapat menghasilkan pencahayaan semulajadi bagi menjimatkan penggunaan elektrik.



Inovasi penyusunan batu bata secara selang seli di bahagian pintu masuk tandas dan sinki dapat menghasilkan pengudaraan secara semulajadi di samping dapat mengurangkan bau.




Laluan ke tandas dicadangkan untuk dilengkapi dengan kemudahan OKU contohnya tulisan braille pada 'signage' pintu masuk ke tandas bagi kemudahan pengguna OKU.



## TANDAS SEJAHTERA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Reka bentuk tandas yang baik juga mengambil kira anti-vandalisme, mesra pengguna, serta menerapkan pencahayaan dan pengudaraan yang baik secara semulajadi.




- Reka bentuk tandas awam yang baik merangkumi persekitaran yang sesuai, bersih, selesa dan selamat.
- Mewujudkan tandas yang berasingan jantina lelaki, perempuan dan tandas khas untuk OKU.

TANDAS SEJAHTERA DI HUTAN BANDAR, JOHOR BAHRU





## PROJEK PEMULIHAN & PEMBANGUNAN SUNGAI SKUDAI @ TAMAN TAMPOI UTAMA



Projek pembangunan dan rekreasi air di persisiran Sungai Skudai ini akan menambah destinasi pelancongan di kawasan MJB. Antara komponen pembangunan yang akan dijalankan adalah seperti anjung selera, pelantar, jeti nelayan, landskap kejur, landskap lembut, wakaf, pencahayaan, tempat letak kenderaan dan hab pelancongan.



**PROJEK PEMBANGUNAN JARINGAN HIJAU DAN REKREASI  
PERSISIRAN ANAK SUNGAI TEBRAU  
(BANDAR DATO' ONN, TAMAN SRI AUSTIN DAN ECO CASCADIA)**






**PROJEK MENAIKTARAF  
JALAN PERSIARAN BUKIT KEMPAS,  
JOHOR BAHRU (FASA 2)**

**PUSAT 1**

Lokasi cadangan adalah di persimpangan Jalan Kempas Lama ke Persiaran Kempas Baru. Persiaran Bukit Kempas merupakan jalan utama kepada penduduk kawasan sekitar dari Taman Anggerik, Taman Bukit Kempas, Taman Johor dan lain-lain ke Lebuhraya Pasir Gudang dan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

**PUSAT 2**

Komponen menaiktaraf jalan 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala.



## PUSAT TAHANAN HAIWAN

### JALAN TAHANA, LARKIN JOHOR BAHRU



#### OBJEKTIF PUSAT TAHANAN HAIWAN


1. Memastikan kebajikan haiwan yang ditangkap adalah terjamin dan selamat.
2. Mengawal penularan penyakit berjangkit yang berpunca daripada haiwan terbiar seperti penyakit rabies (penyakit anjing gila) dan sebagainya.
3. Mengawal populasi haiwan bagi mengelakkan kacau ganggu kepada orang awam.



Keluasan Tapak : 3,122.27m<sup>2</sup> / 0.7717 ekar

#### KONSEP PEMBANGUNAN

1. Bangunan direka bentuk berkonsepkan 'multiple' blok secara berasingan.
2. Susun atur mengambilkira sirkulasi logistik pergerakan kenderaan dan aktiviti memuatkan pelbagai jenis haiwan.
3. Mengambilkira faktor keselamatan dengan 'zoning' untuk pejabat operasi pengurusan tahanan haiwan dan sirkulasi pejalan kaki (sekiranya ada kunjungan pelawat luar).





Projek konservasi dilaksanakan untuk memelihara warisan di pusat bandar Johor Bahru bagi mengekalkan kepentingan nilai budaya

# “BANGSA JOHOR”

selaras dengan arus modenisasi bandar raya



## “LIVING HERITAGE CITY”



Transformasi lorong belakang di pusat bandar raya Johor Bahru.



*Coronation Avenue:* Mengintegrasikan lima rumah ibadat bernilai warisan melalui pembinaan siar kaki sepanjang 2.1 kilometer.

# PROJEK MURAL

## PUSAT BANDAR JOHOR BAHRU

Mural Jejak Warisan di Lorong Belakang Jalan Dhoby, Jalan Trus dan Masjid India



JOHOR BAHRU  
**HISTORIC**  
 ART LANE

### CADANGAN PENJENAMAAN PROJEK:

1. *Johor Bahru Historic Art Lane*
2. *Historic Art Lane of Johor Bahru*

## MURAL BERTEMAKAN SEJARAH

Mural interaktif bertemakan sejarah untuk menceritakan sejarah dan kisah kehidupan yang ada di kawasan Johor Bahru. Selain mencantikkan, ia juga dapat memberi pengetahuan kepada pengunjung.

Antara sejarah yang dicadangkan:

### Warisan Ketara


1. Bangunan warisan: Pasar, Tambak Johor
2. Artifak warisan: Setem lama, Bas
3. Peristiwa: Penubuhan Lembaga Bandaran (Townboard)
4. Sejarah MBB dan Johor Grandprix
5. Sejarah nama jalan: Jalan Duke, Jalan Ibrahim Sultan, Jalan Abdullah Ibrahim, Jalan Tan Hiok Nee

### Warisan Tak Ketara

1. Seni dan kebudayaan
2. Alat muzik (Ghazal, 24 Festive Drum)
3. Makanan Johor
4. Tenun Johor
5. Sistem Kangcu (Lada hitam dan gambir)



# KOMPONEN PROJEK



- 1 Mural Warisan Tidak Ketara
- 2 Mural Warisan Tidak Ketara
- 3 Mural Interaktif Pakaian Tradisional
- 4 Mural Warisan Ketara
- 5 Arca Anyaman
- 6 Mural Warisan Ketara
- 7 Arca Muzik
- 8 Mural Gerbang
- 9 Landskap Vertikal
- 10 Mural Warisan Ketara
- 11 Mural Warisan Tidak Ketara - Ghazal
- 12 Mural Tangga
- 13 Mural Penjenamaan Projek
- Papan Direktori
- Arca 3D
- Cadangan Lokasi CCTV

--- Tanaman Pokok & Landskap

■ Kawasan Cadangan Projek

\*\*Setiap kod warna mewakili artis yang akan mengusahakan seni awam berkenaan

## MURAL WARISAN KETARA



Lokasi:  
Lorong Belakang Masjid Indla

Tiga gambaran ilustrasi mural di bangunan berkenaan.



## MURAL WARISAN TIDAK KETARA - GAMBUS



**Ghazal Johor** adalah salah satu seni muzik tradisional Melayu yang popular di negeri Johor. Pada mulanya dikenali sebagai 'gamat' yang membawa maksud nyanyian dan beriu-rendah. Pada akhir abad ke-19, hubungan erat antara kerajaan Johor dan kerajaan Riau-Lingga telah menyebabkan seni muzik ini diperkenalkan kepada golongan bangsawan Johor.

Pada mulanya, Ghazal Johor hanya menggunakan dua jenis alat muzik iaitu harmonium dan tabla. Kemudian ditambah dengan biola dan gambus. Kini peralatan muzik ghazal yang lengkap ditambah lagi dengan gitar, tamborin dan marakas.

Rujukan: Buku Warisan Iskandar Puteri, m/s 32

Lokasi: Lorong Belakang Jalan Dhoby

## MURAL INTERAKTIF PAKAIAN TRADISIONAL



### MURAL INTERAKTIF PAKAIAN TRADISIONAL

Ini boleh dilukis berdasarkan pakaian tradisional Johor & corak tenunan seperti: Baju Kurung Teluk Belanga & Tenun Johor (Berdagang luar & berdagang dalam)

Di bahagian muka ilustrasi akan di pasang cermin, untuk aktiviti bergambar oleh pengunjung.

#### **Baju Kurung Cekak Musang**


Baju Kurung Cekak Musang dikaitkan dengan pola lingkaran leher baju. Pengertian Cekak Musang merakam imej (alamiah) untuk leher baju yang bercekak tinggi berdiri melingkari leher. Bahagian cekak tinggi ini dirapatkan dengan dua kancing dan tiga lagi di bahagian bawahnya.

*Rujukan: Buku Warisan Iskandar Puteri, m/s 14*

## TARIAN ZAPIN




Lokasi: Lorong Belakang Masjid Indla



Struktur utama persembahan zapin Melayu ialah pembahagian persembahan kepada tiga bahagian iaitu taksim, ragam dan kopak serta wainab. Penarinya mengenakan busana baju kurung Teluk Belanga dikancing dengan butang emas ataupun suasa, kain sampin, seluar dan songkok. Penari wanita juga berbaju kurung Teluk Belanga dan sampin berdagang luar, bersanggul atau bertudung dipadankan dengan aksesori rantai emas.

Rujukan: Yayasan Warisan Johor

Penggunaan LED untuk menjadi tarikan pada waktu malam.



# ARCA MUZIK





## CADANGAN MUZIK

### Lirik Lagu Tanjung Puteri

*Tambak Johor Tanjung Puteri  
Selat Tebrau Airnya Biru  
Di Pantai Lido Tepian Mandi  
Sepanjang Masa Di Hari Minggu  
Atas Bukit Tanjung Puteri  
Taman Hiburan Indah Berseri  
Pemandangan Menawan Hati  
Jalan Tambak Hubungan Negeri*

*Tanjung Sekijang Nun Di Kuala  
Tempat Nelayan Mengail Gelama  
Istana Hinggap Di Kuala Danga  
Pantai Berkelah Keluarga Diraja  
Dari Tebrau Orang Berakit  
Singgah Stulang Membeli Kopi  
Pusara Si Bongkok Di Lereng Bukit  
Di Tepi Pantai Tanjung Puteri*



- Memberi pendedahan kepada orang awam mengenai cerita tempatan menerusi lagu 'Tanjung Puteri'.
- Menambah elemen 'Fun' di pusat bandar raya Johor Bahru.



# MURAL GERBANG

## Motif 'Kangcu' di Mural Gerbang

### Sistem Kangcu

Kangkar dalam bahasa Cina bermaksud kawasan pertanian di kaki atau di tebing sungai. Ia digambarkan sebagai sebuah kampung besar yang menempatkan ibu pejabat kangcu, pusat pajakan bagi penjualan candu, arak dan daging khinzir, pusat perjudian, pelacuran, dan pajak gadai, serta beberapa buah kedai dan kebun kecil.

Pada tahun 1862, dianggarkan terdapat lebih kurang 32 buah kangkar di negeri Johor. Di Johor Bahru terdapat beberapa kangkar yang terkenal seperti Kangkar Tebrau, Kangkar Pulai, dan Kangkar Kongkong. Tanaman utama kawasan kangkar adalah gambir dan lada hitam. Setiap kangkar diketuai oleh seorang kangcu.


Rujukan: Buku Warisan Iskandar Puteri



## LANDSKAP VERTIKAL

Landskap Vertikal dapat menghijaukan ruang yang sempit dan menjimatkan ruang sedia ada.

Perkataan 'Tanjung Puteri' akan dihasilkan untuk memberikan pendedahan kepada orang awam mengenai nama lagu dan nama asal Johor Bahru.



Lokasi: Jalan Trus



## SISTEM & TEKNOLOGI BAHARU

Seiring perkembangan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mula melaksanakan pembangunan dan menggunakan pelbagai sistem dan aplikasi maklumat bagi memudahcara urusan pentadbiran bermula tahun 1990. Pembangunan dan penggunaan aplikasi ini telah melalui beberapa revolusi dan perubahan selaras kemajuan teknologi terkini.


Dalam mendepani perkembangan Revolusi Industri (IR) 4.0 dan era Digital, MBJB membangunkan Teras Digital MBJB selaras dengan hala tuju Kerajaan Malaysia melalui *Malaysia Digital Economy Blue Print* dan Pelan Induk Digital Johor di bawah 7 Ikhtiar Makmur Johor yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Melalui Teras Digital MBJB ini, lima (5) teras utama telah digariskan meliputi:

- (1) Perkhidmatan Pelanggan Secara Digital (Digital Public Services)
- (2) Aplikasi Digital Pejabat dan e-Kerajaan (Digital Application & e-Government)
- (3) Rangkaian dan Perhubungan Digital (Digital Connections & Networks)
- (4) Enterprise Web Based GIS dan Aplikasi Bandar Pintar
- (5) Penyampaian Maklumat Secara Digital (Digital Information)

## 5 TERAS

### PEMBANGUNAN PENGURUSAN MAKLUMAT DI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



## PENGURUSAN MAKLUMAT DI HUJUNG JARI



# RANCANGAN KAWASAN KHAS SUNGAI SKUDAI & SUNGAI TEBRAU

## PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN SUNGAI

...Sungai Kelas II Yang Mengembalikan Mutu Air, Habitat Flora dan Fauna...



IMBAS DI SINI




RKK SG. SKUDAI

Cadangan 'Great Trail' untuk mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan kepentingan kawasan hutan bakau dan penjagaan sungai.

# RANCANGAN KAWASAN KHAS SUNGAI SKUDAI & SUNGAI TEBRAU

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN



### PROJEK REVITALISASI SG. SEGGET

IMBAS DI SINI



Cadangan menaiktaraf landskap di Sg. Segget bagi pengukuhan imej bandar raya dan akses rekreasi (public realms) untuk orang awam dan pelancong.

## RANCANGAN KAWASAN KHAS PERINDUSTRIAN KONDUSIF

### MATLAMAT KAJIAN

#### PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN

Bagi pelaksanaan dan pengurusan kawasan perindustrian secara lebih komprehensif meliputi aspek fizikal, ekonomi dan sosial serta alam sekitar ke arah mewujudkan dan meningkatkan persekitaran kerja dan hidup yang berkualiti.



## KAWASAN INDUSTRI BANDAR RAYA JOHOR BAHRU



**38**  
KAWASAN  
INDUSTRI

**KELUASAN**  
10,730.08  
EKAR

**13,276**  
LOT

**11.66%**  
daripada  
keseluruhan guna tanah  
MBJB



## KAWASAN PERINDUSTRIAN KONDUSIF BANDAR RAYA JOHOR BAHRU



Sumber: Rancangan Kawasan Khas Perindustrian MJB



Menaiktaraf imej serta identiti kawasan perindustrian MJB sedia ada sebagai sebuah kawasan industri yang mampu menjana dan menggalakkan pelaburan.

# PELAN INDUK LANDSKAP 2021-2030

Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan dan mengguna pakai Pelan Induk Landskap MBBJ 2021-2030 dan mempraktikkan dalam perancangan pembangunan di kawasan CBD. Pihak jabatan merencana kerja-kerja pembangunan dan naiktaraf mengikut garis panduan yang telah dirancang antaranya ialah:-



## DASAR PELAN INDUK LANDSKAP 2021-2030

1

### Membangunkan Organisasi Dan Sumber Manusia Kompeten Untuk Pembangunan Landskap Negara

- Memastikan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan profesional dalam bidang landskap di peringkat nasional dan antarabangsa.

2

### Memantap Dan Mempertingkatkan Kualiti Lanskap Bagi Mencapai Matlamat Negara Taman Terindah

- Merancang dan membangunkan landskap kawasan perbandaran yang mempunyai karakter landskap yang tersendiri, harmoni dan mampan.

7

### Peranan Lanskap dalam mengatasi Covid-19

- Memastikan Garispanduan penggunaan taman rekreasi mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- Setiap pembangunan dan naiktaraf kawasan rekreasi mengambil faktor rekabentuk yang dapat menjaga penjarakan Covid.
- Fungsi kawasan Hijau dalam pengurusan kawalan pandemik Covid.

5

### Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap

- Mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai Lanskap.

3

### Membangunkan Program Pembangunan Landskap Bagi Penyediaan Struktur Hijau Yang Berfungsi Dan Mampan

Mengadakan program pembangunan landskap yang mampan, lestari dan mampan untuk mencapai matlamat Negara Taman Terindah.

6


### Menyediakan Perundangan, Perundangan, Peraturan Dan Penguatkuasaan Landskap

- Menilai semula dan mengubal perundangan yang berkaitan landskap. Memacu Landskap Negara - Memajukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Landskap.

4

### Memelihara Landskap Semula Jadi Sebagai Khazanah Negara

- Mengurus dengan baik kawasan landskap semula jadi. Mengenalpasti dan memelihara landskap yang mempunyai nilai alam dan budaya.




## KELESTARIAN JARINGAN HIJAU & SENI


Perancangan keseluruhan mempertimbangkan kelestarian melalui penerapan 8 kriteria matlamat pembangunan mampan (SDG) dengan menerapkan budaya dan warisan Johor dalam sentuhan seni.

Kelestarian seni juga boleh difahami sebagai seni yang dihasilkan dengan mempertimbangkan kesan yang lebih luas dengan persekitaran (sosial, ekonomi, biofizik, sejarah dan budaya).

Seperti contoh penggunaan elemen seni warisan Johor dalam pembentukan landskap kejur perlu ditonjolkan dengan lebih jelas dan terang di samping menekankan aspek kemampanan hijau yang lain.



# PENDEKATAN REKA BENTUK KAWASAN LINGKARAN HIJAU, LARKIN JOHOR BAHRU



Menaiktaraf laluan basikal



Mempromosi gaya hidup sihat



Mengetengah arca seni awam yang ikonik yang moden tradisional




Penglibatan masyarakat



Program kesejahteraan dan perniagaan tempatan



Laluan penerokaan basikal




### RINGKASAN CADANGAN

- Lingkaran Larkin terdiri daripada program sihat dan menyeronokkan melibatkan penyertaan ekonomi tempatan yang dapat menyumbang kepada pencapaian kejayaan laluan hijau ini.
- Seperti contoh program pencarian harta karun (treasure hunt), pencarian makanan warisan / setempat dan penggunaan kiosk QR Code dapat memudahkan program ini dijalankan oleh agensi atau pihak berkuasa yang dilantik.
- Terdapat laluan untuk pejalan kaki dan ruang kanak - kanak yang belajar menunggang (pump track) serta kawasan rehat baru, tandas, mesin layan diri (vending machine), gerai makanan ringan dan lain - lain.
- Selain program yang dijalankan, Lingkaran Larkin dan jaringan hijau ini akan menjadi mercu tanda tarikan baru bagi pelancong tempatan dan antarabangsa dengan keluasan baharu sebesar 34 hektar.

# PENYERAGAMAN PEMASANGAN PAPAN IKLAN DI PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MBJB

## PANDUAN PEMASANGAN PAPAN IKLAN PREMIS:

1. Peletakan papan iklan mestilah berada di kedudukan garisan tengah aras lantai (rujuk lukisan).
2. Lebar/panjang papan iklan adalah tertakluk kepada perimeter premis kedai.
3. Kandungan mengikut pada panduan dalam UUK Pelesenan Iklan (MBJB) 2010.



BIL.	KANDUNGAN VISUAL	SAIZ
1	Aktiviti Perniagaan	$\frac{3}{4} b$
2	Jenama	$b$
3	Nama Syarikat / Nama Perniagaan	$\frac{3}{4} b$
4	Tulisan dalam lain-lain bahasa (terjemahan)	$\frac{1}{2} b$
5	No. Pendaftaran syarikat	$\frac{1}{4} b$



CONTOH REKA BENTUK PAPAN TANDA IKLAN PREMIS





GATMARA  
JOHOR

arked

Johor

Jeruk Asam

# Pembangunan Sosioekonomi

- Pembangunan Usahawan Penjaja
- Penjenamaan Semula Gerai Penjaja
- Selera Bangsa Johor

- 1 Menaiktaraf penempatan penjaja tepi jalan berkelompok menjadi gerai sementara / separa kekal mengikut lokasi yang dibenarkan.



- 2 Menaiktaraf tapak 'food truck' yang bersih, tersusun dan selamat untuk warga bandar raya dengan elemen kehijauan dan kedamaian sambil menikmati hidangan dan berehat dari kesibukan kota.

## PANDANGAN PERSPEKTIF KONSEP (3D) GERAJ MBJB



3

Meningkatkan penempatan penjaja berkelompok di kawasan perniagaan persendirian seperti kompleks membeli-belah.



Contoh kompleks membeli-belah yang menyediakan penempatan bagi penjaja berkelompok (konsep *food truck* dan *car boot sale*). Penganjuran ini dilesenkan di bawah pihak berkuasa tempatan.

## PENJENAMAAN SEMULA GERAI SEMENTARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



### KONSEP REKA BENTUK BINAAN SEPARUH KEKAL

- Bangunan yang diperbuat sebahagiannya daripada kayu atau besi ringan (*lightweight material*) dan sebahagiannya daripada bahan yang kekal lama.
- Bangunan yang boleh dialihkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.
- Bahan binaan tersebut boleh diguna semula contohnya besi-besi tiang dan kerangka bumbung.

## SELERA BANGSA JOHOR

Berkunjung ke Johor Bahru tidak lengkap jika tidak menikmati hidangan popular yang menjadi kebanggaan warga bandar raya. Hidangan yang sinonim dengan negeri Johor seperti Laksa Johor, Nasi Ambeng, Murtabak, Kacang Pool, Nasi Beriani, Kambing Kuzi, Mi Bandung, Mi Rebus dan lain-lain sangat membuka selera dan menjadi identiti tersendiri negeri Johor dan boleh didapati di Johor Bahru.



### KACANG POOL

Kacang Pool merupakan hidangan roti yang dimakan bersama kuan dan sangat enak dimakan ketika masih panas. Kuan Kacang Pool ini dimasak dengan daging cincang untuk menambah kepekatannya sebelum dihias dengan hirisan bawang, lada benggala, dan telur mata lembu dan dinikmati bersama roti tebal istimewa yang disapu dengan marjerin.



### OTAK - OTAK

Otak-otak merupakan sejenis makanan ringan yang menggunakan isi ikan asli yang digaul bersama campuran berempah seperti bawang merah, bawang putih, kunyit, serai, santan dan lada. Campuran ini kemudiannya dibungkus sama ada di dalam daun kelapa, daun nipah, daun pisang atau daun pandan yang kemudiannya dibakar di atas bara api.

Jika anda ke Johor Bahru, keenakan rasa otak-otak ini boleh dirasai di kebanyakan gerai makanan atau medan selera di Johor Bahru. Makanan tradisi ini sangat popular disediakan sebagai salah satu hidangan makanan ringan masyarakat di negeri ini.

## NASI BERIANI

Nasi Beriani merupakan hidangan istimewa terutama di majlis perkahwinan dan majlis rasmi yang lain. Nasi ini biasanya dihidangkan bersama lauk-pauk termasuk ayam masak merah, daging lembu dan kambing dimasak rempah, dalca dan acar buah.

Antara hidangan wajib cuba bagi pengunjung yang datang dari luar negeri Johor yang berkunjung ke Johor Bahru. Hidangan ini antara kegemaran warga Johor Bahru termasuk bangsa Melayu, India dan Cina.



**LAKSA JOHOR**



**MI BANDUNG**



**NASI AYAM**



**ROJAK PETIS**



**SOTO NASI**



**CIKONG PANAS**



# Kelestarian Alam Sekitar

- Masyarakat Rendah Karbon
- Penggredan Tandas Bertaraf 5 Bintang
- Inisiatif Bank Makanan
- Kebun Kejiranan
- *Smart City*

# AGENDA MASYARAKAT RENDAH KARBON



- MBBJ telah berjaya melaksanakan sebanyak 205 program (83%) daripada keseluruhan 247 program yang telah digariskan.
- Pada tahun 2023, kesemua 247 program dijangka dapat dilaksanakan.
- Sasaran pencapaian anugerah di peringkat antarabangsa dan global.


1. *The Green Apple Award*
2. *Asean Environmentally Sustainable Cities Award*
3. *World Green Building Council Asia Pacific Award*

Imbas di sini:



QR CODE

01	Pengangkutan Hijau Bersepadu	Penglibatan Masyarakat & Pembinaan Pemuafakatan	07
02	Industri Hijau	Pertumbuhan Pintar	08
03	Bangunan Hijau & Pembinaan	Pengangkutan Hijau Bersepadu	09
04	Gaya Hidup Rendah Karbon	Sistem Tenaga Hijau & Boleh Diperbaharui	10
05	Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal	Persekitaran bandar yang sesuai & aktiviti berjalan kaki, selamat & sesuai untuk didiami	11
06	Rangkaian Infrastruktur Hijau & Sumber Luar Bandar	Tadbir Urus Bandar Rendah Karbon	12



Projek Solar Yang Dilaksanakan Oleh Pihak Swasta



Laluan Berbasikal



Solar di Kawasan Perumahan



Jejambat Pejalan Kaki



## PROGRAM STAR RATING TANDAS AWAM MBBJ

- Pengauditan tandas awam MBBJ wajib dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dan diberikan Sijil Penarafan Bintang untuk setiap tandas.
- Tandas Awam milik MBBJ berjumlah 147 buah, terbahagi kepada 7 kategori iaitu anjung selera, taman awam, dewan, pejabat, hentian awam, pasar awam dan tandas berasingan.



**SASARAN 100% TANDAS AWAM MBBJ DIBERI PENARAFAN 5 BINTANG SETIAP TAHUN**

## TANDAS AWAM 5 BINTANG IDAMAN MBBJ



## INISIATIF BANK MAKANAN

- Jaringan kerjasama daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, KPDNHEP, badan korporat seperti Pasaraya Besar Mydin, Econsave dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu golongan kurang berkemampuan.
- MBBJ menyelaras keperluan bantuan agar diterima oleh golongan sasaran seperti penghuni pusat golongan gelandangan dan penduduk yang terkesan di setiap kawasan zon Ahli Majlis.
- Penggunaan aplikasi dalam talian bagi tujuan permohonan bantuan bagi memudahkan saluran bantuan.

## SASARAN MBBJ MENJAYAKAN INISIATIF BANK MAKANAN / 'FOOD BANK'

- Barangan dikumpulkan di *Foodbank HUB MBBJ* bagi diselaraskan agihan kepada golongan sasaran.
- *Foodbank Mobile MBBJ* digerakkan ke Zon Ahli Majlis setiap minggu.
- Golongan yang mendaftar secara *online* boleh mendapatkan akses bekalan terus kepada *Foodbank Mobile* dan *Foodbank HUB*.
- Bekalan makanan sumbangan MBBJ ini dijenamakan sebagai 'Bakul Makmur MBBJ'.




Gambaran Ilustrasi 'Foodbank Mobile' MBBJ

## PEMBANGUNAN KEBUN KEJIRANAN MBBJ

- Dilaksanakan dalam 24 Zon Ahli Majlis
- Inisiatif MBBJ dalam menyahut seruan Ikhtiar Bank Makanan Johor
- Diketuai oleh Ahli Majlis Zon bagi setiap lokasi dan dianggotai jabatan berkaitan
- Penglibatan masyarakat yang berperanan tinggi dalam menjayakan program kebun kejiranan
- Menggembeng tenaga PBT, Agensi Kerajaan, Swasta dan masyarakat dalam membangunkan kebun kejiranan



## LOKASI KEBUN KEJIRANAN MBJB



**TELAH  
BEROPERASI  
9 LOKASI 5 EKAR**



**SEDANG  
DIBANGUNKAN  
32 LOKASI**



**SASARAN  
120 LOKASI AKTIF  
TAHUN 2030**



ANTARA KEBUN KEJIRANAN YANG TELAH DIUSAHAKAN



BLOK C, PANGSAPURI  
TAMAN SEROJA

KUATERS MBBJ  
JALAN PERMAS 7



KRT PADI RIA  
BANDAR BARU UDA

PPR DESA MUTIARA ZON  
BANDAR DATO' ONN



# KE ARAH SMART & RESILENT CITY MENJELANG 2030

Konsep *Smart City* merupakan salah satu pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu urbanisasi bagi meningkatkan kualiti hidup warga bandar raya Johor Bahru





**7 KOMPONEN SMART CITY**

Sumber: *MJB Smart City Framework, 2030*

- Smart Governance
- Smart Living
- Smart Environment
- Smart Economy
- Smart Community
- Smart Infrastructure
- Smart Mobility

## 4 PROJEK SMART CITY DALAM PELAKSANAAN



## 6 PROJEK SMART CITY



Pusat integrasi data dan pemantauan bagi mewujudkan platform urus tadbir yang lebih efisien

**1 SMART CENTRE MBBJ**  
Jangka Mula: 2022



Sistem yang lebih sistematik untuk mengurangkan pencemaran dan meningkatkan kebersihan sungai

**2 PEMASANGAN PERANGKAP SAMPAH DARI JENIS CDS-GPT**  
Jangka Mula: 2022



Mengurangkan pencemaran dan menambah kebersihan sungai

**3 PEMASANGAN PERANGKAP SAMPAH DARI JENIS CDS-GPT**  
Jangka Mula: 2022



Penggunaan sistem pencahayaan 'energy efficient' dan berdaya tahan lama

**4 SMART LED ROAD FURNITURE**  
Jangka Mula: 2022



Mengawal aras air untuk mengelakkan banjir serta memenuhi keperluan sumber air dan pengairan pertanian

**5 SISTEM KAWALAN PAM DAN PINTU AIR (SCADA)**  
Jangka Mula: 2022



Pengurangan kesan haba kawasan bandar serta penggunaan sistem siraman automatik

**6 SMART GREEN WALL BERSERTA AUTOMATIC WATER SYSTEM**  
Jangka Mula: 2022

## SISTEM SIRAMAN PINTAR



Penyediaan teknologi siraman automatik kawasan pusat bandar bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan siraman.

Menggunakan teknologi landskap yang terkini seiring dengan negara maju seperti di Singapura.

Teknologi ini merupakan cadangan penyambungan kerja naik taraf pejalan kaki di pusat bandar Johor Bahru iaitu 'Coronation Avenue'.

**CADANGAN LOKASI: PUSAT BANDAR JOHOR BAHRU**



**Sistem Siraman :  
'Driplines' sesuai untuk pokok renek**



Kawasan pusat bandar Johor Bahru semakin pesat membangun dan penggunaan kawasan hijau perlu dimaksimumkan. Ia memerlukan sistem kerja penyelenggaraan landskap yang lebih mudah dan efisien bagi melancarkan pergerakan kenderaan di pusat bandar dan mengelakkan kesesakan.

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SESI 'TOWN HALL'**  
BANDAR ULU FIRAM



# Pembangunan Masyarakat & Modal Insan

- Agenda Tempatan (LA 21)
- Pusat Rekreasi Belia : TMIYC JB
- Naik Taraf Galeri Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Pusat Sivik Larkin

# PELAKSANAAN PROGRAM SECARA BERTERUSAN MENGIKUT 5 PELAN TINDAKAN



## PEMERKASAAN 'LOCAL AGENDA 21'

1

### BANDAR MAMPAN

Bandar raya Johor Bahru menjadi bandar raya pintar dan berdaya tahan menjelang 2030.

2

### MASYARAKAT BERILMU TINGGI

Masyarakat Johor Bahru memiliki ilmu pengetahuan dan menamatkan pengajian tinggi.

3

### JOHOR BAHRU BERSIH DAN SELAMAT

Hidup dalam suasana harmoni, persekitaran bersih dan keselamatan yang terjamin.

4

### PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SUMBER BANDAR RAYA

Setiap sumber dalam bandar raya dijaga bagi memastikan kelangsungannya seperti warisan sejarah, sumber air dan kawasan hijau.



## TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) JOHOR BAHRU

- Penubuhan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru diilham dan dirasmikan oleh DYAM Tunku Ismail Idris Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada 21 Disember 2020.
- Terletak di Hutan Bandar Johor Bahru dengan keluasan 15 ekar. Pembangunan TMIYC Johor Bahru terdiri daripada 12 komponen kemudahan.
- Merupakan 'platform' untuk komuniti belia menjalankan aktiviti rekreasi dan beriadah secara santai.
- Waktu operasi : Dibuka pada setiap hari, pada jam 7.00 pagi - 7.00 malam (Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa).



## KOMPONEN TMIYC JOHOR BAHRU



### 1 YOUTH CENTRE

Pusat bagi para belia berkumpul dan merancang pelbagai aktiviti di TMIYC Johor Bahru.



### 2 ROCKYARD

Salah satu daripada tiga sepertinya di Malaysia mempunyai *Top Rope* 12 meter dan *Bouldering* 6 meter.



### 3 SKATE PRO

Terbesar di Johor Bahru dan yang pertama mempunyai *bowl* setinggi 6 kaki.



### 4 PUMP TRACK

Salah satu trek basikal berturap terbesar di Johor Bahru dengan keluasan 900 m<sup>2</sup>.



### 5 MOUNTAIN BIKE TRAIL

Trek untuk basikal lasak dengan jarak trek sepanjang 1.7 km.



### 6 PARKOUR PARK

Merupakan lokasi aktiviti seni pergerakan badan yang pertama seumpamanya di Malaysia.

## KOMPONEN TMIYC JOHOR BAHRU



### 7 THE STAGE

Ruang teater terbuka untuk pengunjung dengan kapasiti seramai 150-200 penonton.



### 8 CANOPY WALK

Merangkumi 2 laluan berkanopi yang dihubungkan dengan 2 jambatan dengan jarak sepanjang 1.9 km.



### 9 CHILL PODS

3 unit *chill pod* disediakan untuk kegunaan seperti mesyuarat santai, 'busking' dan bengkel pembelajaran.



### 10 KIDDO GROUND

Taman permainan untuk kanak-kanak berumur bawah 12 tahun.



### 11 CONCEPT STORE & CAFE

Tersedia 23 unit/kios gerai jualan cenderamata, peralatan sukan, makanan dan minuman.



### 12 KUBUS LESTARI

Kemudahan dewan serbaguna dengan kapasiti 50 orang dan juga surau.



# PETA KAWASAN TMIYC JOHOR BAHRU



## NAIK TARAF GALERI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

### GALERI MBBJ

DI BANGUNAN JOTIC, JOHOR BAHRU




Reka bentuk Galeri MBBJ yang baharu menggunakan konsep moden interaktif. Motif ukiran pada bangunan Menara MBBJ di Bukit Senyum dijadikan sebagai motif / konsep reka bentuk fasad Galeri MBBJ yang baharu bagi mewujudkan kesinambungan reka bentuk antara Galeri MBBJ dengan Menara MBBJ.



Gambaran sedia ada reka bentuk baharu ruangan yang mempunyai siling cermin di Galeri MBBJ



Cadangan reka bentuk baharu ruangan di Galeri MBBJ



Cadangan reka bentuk baharu ruangan di Galeri MBBJ



Gambaran reka bentuk baharu ruangan di Galeri MBBJ

## PUSAT SIVIK LARKIN

- Pusat Sivik Larkin Johor Bahru diwujudkan bagi memastikan imej bandar raya Johor Bahru terpelihara sebagai salah satu pintu masuk utama negara.



Cadangan Projek Pusat Sivik Larkin di atas Lot 22528,  
Kawasan Lapang Taman Larkin Perdana, Johor Bahru

JUMLAH KESELURUHAN GFA  
(gross floor area)  
= 950.25 m<sup>2</sup> + 722.19 m<sup>2</sup>  
= 1,672.44 m<sup>2</sup>

# Sekalung Budi

---

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan penerbitan buku ini. Tanpa sokongan, komitmen dan kerjasama yang padu, penerbitan buku ini tidak mungkin berjaya direalisasikan dengan jayanya. Terima kasih...

- Semua Ketua Jabatan dan Bahagian, MBBB
- Sidang Jawatankuasa Editorial Penerbitan

*“ Di atas daik menjamu longan,  
Keladi dan berangan masih di taman,  
Budi yang baik menjadi kenangan,  
Menjadi sanjungan sepanjang zaman.”*

# Sidang Editorial



## Penaung

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman  
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru



## Penasihat 1

Haji Miswan bin Yunus  
Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru



## Penasihat 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha  
Majlis Bandaraya Johor Bahru



## Penyelaras Projek 1

Mohamad Khairulanuar bin Esa



## Penyelaras Projek 2

Fadzlina binti Abdul Malek



## Pengarang 1

Hidayah binti Yusof



## Pengarang 2

Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif



## Pengarang 3

Nurul Shafina binti Shaari

## Jawatankuasa Redaksi



Ir. Mazlifah binti Isa



Mokhzani bin Haji Mislan



Norhafizah binti Ahamad



Dr. Muhamad Khairi bin Sulaiman



Harulisam bin Ismail



Norbaizura binti Md Zin



Muhamad Ihsan bin Sujani



Bambang Suherman bin Bombang Sukocho



Nur Afiqah binti Mohd Rashid

## Jurufoto



## Jurufoto 1

Haji Bahri bin Abdullah



## Jurufoto 2

Romzi bin Yusof

# Catatan



**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru  
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim



Talian Am: 07-219 8000



[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)



[facebook.com/mbjbrasmi](https://facebook.com/mbjbrasmi)



[@mbjbrasmi](https://instagram.com/mbjbrasmi)